

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD**

**KAWASAN : KUALA KANGSAR**

**TARIKH : 9.6.2014 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 108**

**YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD (KUALA KANGSAR) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah eksport barangan perabot buatan Malaysia ke pasaran dunia mengikut kategori dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan industri-industri kecil dan Bumiputera di bidang ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah eksport keseluruhan perabot Malaysia pada tahun 2013 adalah RM7,358.33 juta. Antara produk perabot yang dieksport adalah:

Produk	RM(juta)	(%)
Perabot berasaskan kayu	5,807.46	79%
Kerusi dan tempat duduk serta bahagiannya	681.82	9.3%
Perabot berasaskan besi	551.57	7.5 %
Bahagian – bahagian perabot	270.78	3.7%
Perabot berasaskan plastik	23.87	0.3%
Perabot berasaskan bahan lain	22.83	0.3%
JUMLAH	7,358.33	100%

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program – program yang dijalankan oleh MATRADE untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan syarikat dari industri perabot meningkatkan eksport mereka, adalah seperti berikut:

- i. Program *Incoming buying mission* (IBM) umpamanya bersempena dengan Minggu Perabot Malaysia (*Malaysia International Furniture Fair (MIFF) & Export Furniture Exhibition (EFE)*) pada 4 – 7 Mac 2014. Melalui program ini, MATRADE telah menjemput syarikat – syarikat pembeli dari negara membangun (*emerging market*) seperti India, Jepun, Australia, Russia, Amerika Latin dan Korea Selatan yang tidak pernah melawat Minggu Perabot Malaysia sebelum ini. MATRADE bekerjasama dengan pihak penganjur MIFF & EFE untuk mengaturkan pertemuan perdagangan bersama pempamer.
- ii. Syarikat yang terlibat di dalam membekalkan perabot bagi projek – projek seperti di sekolah, hospital dan stadium (*contract furniture*) telah dijemput untuk menyertai *Malaysia Services Exhibition (MSE)*.

MSE merupakan pameran yang mempromosikan sektor perkhidmatan seperti pendidikan, francais, kesihatan dan juga sektor pembinaan yang membina sekolah, hospital dan stadium di mana projek – projek ini memerlukan syarikat yang boleh menyediakan khidmat pembinaan perabot (*contract furniture*). Platform ini telah memberi peluang kepada syarikat – syarikat perabot untuk mempromosikan perabot serta perkhidmatan berkaitan perabot untuk projek ke pasaran yang disasarkan. Pada tahun 2014, program MSE yang melibatkan industri perabot telah dianjurkan oleh MATRADE di Ahmedabad, Jeddah, Doha dan Yangon.

- iii. Syarikat – syarikat perabot Malaysia juga telah dijemput untuk mempamerkan dan mempromosikan barangan mereka di Pusat Pameran Eksport Malaysia (*MATRADE Export Exhibition Centre – MEEC*). MEEC merupakan pusat pameran tetap yang bertujuan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia dan membolehkan pembeli dari negara luar untuk melihat pelbagai pilihan produk dari 500 syarikat. Pada tahun 2013, seramai lebih 6,000 pengunjung dari dalam dan luar negara telah melawat ke MEEC.
- iv. Syarikat – syarikat perabot juga berpeluang untuk mempamerkan produk mereka semasa International Trade Malaysia (INTRADE). INTRADE merupakan pameran perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE sejak tahun 2007. INTRADE pada tahun ini akan diadakan pada 20 – 22 Oktober dan mengfokuskan kepada barangan berkaitan sektor gaya hidup yang juga merangkumi barangan perabot. Program *Incoming buying mission (IBM)* akan dijalankan semasa INTRADE bagi memberi peluang kepada syarikat – syarikat perabot tempatan untuk mengadakan pertemuan perdagangan bersama syarikat – syarikat pembeli dari luar negara.